



*Memo*  
**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 3 Januari 2012

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2012**

**TINDAKAN POTONGAN GAJI KEPADA ANGGOTA YANG TIDAK**  
**MENGHADIRI KURSUS SEPERTI YANG DIARAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jabatan Arah bilangan 10/2010 dan bilangan 17/2011 telah memutuskan tindakan potongan gaji kepada anggota yang gagal menghadiri kursus dalaman seperti yang diarah atau kursus luar LGM yang sudah didaftarkan tanpa alasan kukuh.
3. Anggota yang gagal menghadiri kursus dalaman LGM akan dikenakan tindakan potongan gaji berjumlah RM100, manakala anggota yang gagal menghadiri kursus luar LGM yang telah didaftar akan dikenakan tindakan potongan gaji mengikut kos sebenar uran penyertaan yang dikenakan oleh pihak penganjur.
4. Peraturan ini mula berkuat kuasa pada **Januari 2012**.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

**(ROSNA BINTI ABD RAZAK)**

s.k.: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian